

Dr Daing ^{Metro (Setenyot) Snsku} Nasir kekal ^{4/5/11 ns43} terajui UMP

KUANTAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim kekal menerajui UMP apabila perkhidmatan beliau disambung bagi tempoh dua tahun iaitu sehingga 16 Mei 2013.

Menerusi pelantikan itu, Dr Daing Nasir akan terus menerajui UMP, sekali gus meneruskan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang sedang dibangunkan di universiti berkenaan.

Bagi mencapai objektif itu, beliau berkata, UMP mengenal pasti empat bidang keberhasilan utama universiti (KRA) iaitu peningkatan kualiti akademik, kesinambungan kewangan, pembangunan sosio-ekonomi dan penjenamaan UMP untuk menjamin kedudukan yang lebih strategik.

Katanya, penjajaran kompetitif memerlukan UMP mewujudkan kelainan dan keunikan yang menawarkan program kejuruteraan termasuk dari segi program akademik, penyelidikan, perundingan dan penerbitan.